



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PT3 2014

PENTAKSIRAN TINGKATAN 3

TUGASAN

21

Sejarah

ARAHAN KEPADA GURU:

1. Pentaksiran ini mengandungi **satu** tugas.
2. Tugas disertakan dengan Panduan Rubrik Penskoran.
3. Murid dikehendaki melaksanakan tugas tersebut berdasarkan kriteria rubrik yang ditetapkan.
4. Disertakan lampiran 1, 2, 3, 4 dan 5 untuk panduan guru.

TERHAD

**TUGASAN PENTAKSIRAN TINGKATAN 3
BAGI MATA PELAJARAN SEJARAH (21)
TAHUN 2014**

1.0 ARAHAN KEPADA GURU

- 1.1 Memastikan pelajar melaksanakan tugas ini mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 1.2 Dijalankan secara **one off** mengikut jadual yang ditetapkan.
- 1.3 Merancang pelaksanaan dan penilaian tugas mengikut masa yang ditetapkan.
- 1.4 Memberi taklimat kepada calon mengenai tugas dan perinciannya.
- 1.5 Membimbing calon bagi menentukan kerangka dan sumber dalam melaksanakan tugas.
- 1.6 Hasil kerja mestilah merupakan hasil usaha sendiri dan tidak ditiru daripada mana-mana pihak. Calon tidak dibenarkan melakukan plagiat. Plagiat adalah mengambil hasil kerja orang lain sepenuhnya atau sebahagian daripadanya dan menjadikannya sebagai hasil kerja sendiri. Sekiranya calon mengambil petikan atau grafik daripada sumber lain hendaklah menyatakan sumber rujukannya. Jika calon didapati melakukan plagiat calon boleh digagalkan atau diberikan gred F.
- 1.7 **Dilarang** menyediakan jawapan kepada murid.
- 1.8 Tiada tugas ulangan dan peruntukan masa tambahan.
- 1.9 Merujuk Kerangka Pelaksanaan Tugas (Lampiran 1) dan Panduan Rubrik Penskoran (Lampiran 2) yang disediakan sebagai panduan untuk membimbing murid menghasilkan tugas yang baik bagi mendapat skor cemerlang.
- 1.10 Memastikan calon mementingkan aspek tatabahasa dalam penulisan.
- 1.11 Memastikan calon menulis sumber rujukan dengan betul (Lampiran 3).
- 1.12 Memperakukan tugas murid dalam Borang Akuan Pengesahan (Lampiran 4).
- 1.13 Memeriksa dan memberi skor kepada hasil tugas calon berpandukan rubrik penskoran yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan. Skor hendaklah dimasukkan ke dalam borang (Lampiran 5) yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan.
- 1.14 Skor calon hendaklah dihantar ke Lembaga Peperiksaan.

2.0 ARAHAN KEPADA CALON

- 2.1 Tugas Pentaksiran Tingkatan 3 mata pelajaran Sejarah **wajib** dilaksanakan oleh calon Tingkatan 3 tahun 2014.
- 2.2 Penghasilan tugas ini dalam tempoh **enam waktu pengajaran dan pembelajaran** dalam bulan Julai 2014.
- 2.3 Penulisan dan penghasilan tugas ini hendaklah dilaksanakan **di sekolah** dan mendapatkan bimbingan guru dalam melaksanakan tugas ini.
- 2.4 Melaksanakan semua aspek tugas mengikut format penulisan yang ditetapkan.
- 2.5 Gunakan Kerangka Pelaksanaan Tugas (Lampiran 1) sebagai panduan untuk melaksanakan tugas dengan baik dan mendapat skor cemerlang.
- 2.6 Aktiviti mencari dan mengumpul maklumat boleh dilakukan di luar waktu pengajaran dan pembelajaran.
- 2.7 Boleh melaksanakan kajian secara berkumpulan tetapi hasil kerja mestilah dibuat secara individu.
- 2.8 Digalakkan menyertakan foto / gambar / rajah / grafik yang relevan untuk menjelaskan lagi hasil kajian.
- 2.9 Digalakkan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk mencari dan mengumpul fakta.
- 2.10 Menulis sumber rujukan dengan betul (Lampiran 3).
- 2.11 Hasil tugas mestilah ditulis dengan tangan.
- 2.12 Hasil kerja mestilah merupakan hasil usaha sendiri dan tidak ditiru daripada mana-mana pihak. Calon tidak dibenarkan melakukan plagiat. Plagiat adalah mengambil hasil kerja orang lain sepenuhnya atau sebahagian daripadanya dan menjadikannya sebagai hasil kerja sendiri. Sekiranya calon mengambil petikan atau grafik daripada sumber lain hendaklah menyatakan sumber rujukannya. Jika calon didapati melakukan plagiat calon boleh digagalkan atau diberikan gred F.
- 2.13 Pentaksiran / penilaian proses kerja calon dilakukan sepanjang masa tugas dilaksanakan.
- 2.14 Memperakukan tugas dalam Borang Akuan Pengesahan (Lampiran 4).
- 2.15 Bonus 3 markah akan diberikan jika anda mematuhi aspek tatabahasa dalam penulisan.

3.0 TUGASAN

Baca petikan berikut dengan teliti.

Negara Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan damai walaupun penduduknya berbilang kaum. Keamanan dan kedamaian ini dapat dikekalkan kerana toleransi antara kaum utama di negara kita iaitu Melayu, Cina dan India. Justeru itu, kita seharusnya bersyukur dengan keamanan dan keharmonian yang membolehkan kita duduk bersama serta berbincang tanpa ada rasa perbezaan antara satu sama lain. Persefahaman yang telah berjaya dicapai ini perlu dikekalkan supaya tiada perasaan curiga antara kaum kerana ia akan menjejaskan serta merosakkan semangat perpaduan yang telah terjalin sejak sekian lama.

Dipetik dan diubahsuai daripada : <http://pmr.penerangan.gov.my>

Berdasarkan petikan tersebut, buat kajian dan hasilkan sebuah rencana berkaitan dengan perpaduan kaum di Malaysia.

Panjang rencana anda hendaklah tidak kurang daripada 300 patah perkataan.

Tugasan anda hendaklah mengandungi aspek berikut:

1. Tajuk rencana
2. Nama penulis
3. Isi kandungan:
 - (a) Pengenalan – menjelaskan tentang isu-isu perpaduan kaum secara umum
 - (b) Menghuraikan kepentingan perpaduan kaum
 - (c) Menghuraikan faktor yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan kaum
 - (d) Menghuraikan cabaran untuk mengekalkan perpaduan kaum
 - (e) Mencadangkan langkah-langkah untuk mengekal dan memantapkan perpaduan kaum di Malaysia
 - (f) Membuat rumusan
 - (g) Menyenaraikan sumber rujukan

TUGASAN TAMAT

4.0 KERANGKA PELAKSANAAN TUGASAN

BIL	SENARAI SEMAK TUGASAN	AKTIVITI / TINDAKAN
1	Perancangan (10 markah) <ul style="list-style-type: none"> • Jadual kerja / senarai semak • Objektif kajian • Menetapkan kaedah kajian • Menetapkan tajuk • Menyediakan kerangka kasar penulisan • Menyatakan sumber 	<ul style="list-style-type: none"> • Menulis pengenalan yang sangat sesuai dengan tugas dan dapat menggambarkan keseluruhan kandungan hasil penulisan.
2	Proses awal (20 markah) Mengumpul maklumat melalui rujukan terhadap pelbagai sumber yang sesuai	<ul style="list-style-type: none"> • Mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber. • Maklumat sangat tepat dan lengkap serta sangat sesuai dengan tugas.
3	Pengenalan (5 markah)	<ul style="list-style-type: none"> • Menulis pengenalan yang sangat sesuai dengan tugas dan dapat menggambarkan keseluruhan kandungan hasil penulisan.
4	Kepentingan perpaduan kaum (15 markah)	<ul style="list-style-type: none"> • Menghuraikan kepentingan perpaduan kaum dengan tepat dan sangat lengkap. • Mengemukakan contoh yang sangat sesuai.
5	Faktor yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan kaum (15 markah)	<ul style="list-style-type: none"> • Menghuraikan faktor yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan kaum dengan tepat dan sangat lengkap. • Mengemukakan contoh yang sangat sesuai.
6	Cabaran untuk mengekalkan perpaduan kaum (15 markah)	<ul style="list-style-type: none"> • Menghuraikan cabaran untuk mengekalkan perpaduan kaum dengan tepat dan sangat lengkap. • Mengemukakan contoh yang sangat sesuai.
7	Langkah untuk mengekal dan memantapkan perpaduan kaum (10 markah)	<ul style="list-style-type: none"> • Menghuraikan langkah yang praktikal dan relevan untuk mengekal dan memantapkan perpaduan kaum dengan tepat dan sangat lengkap. • Mengemukakan contoh yang sangat sesuai.
8	Rumusan (5 markah)	<ul style="list-style-type: none"> • Rumusan merangkumi pengetahuan, iktibar dan harapan yang relevan.
9	Rujukan (5 markah)	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber rujukan autentik, relevan dan pelbagai.

PANDUAN RUBRIK PENSKORAN

BIL	KRITERIA	RUBRIK			
		Perancangan (10 markah)			
		08 – 10	06 – 07	04 – 05	01 – 03
1	<ul style="list-style-type: none"> Jadual kerja / senarai semak Objektif kajian Menetapkan kaedah kajian Menetapkan tajuk Menyediakan kerangka kasar penulisan Menyatakan sumber 	Menyediakan perancangan yang sangat lengkap, tepat dan realistik serta mempamerkan kesungguhan.	Menyediakan perancangan yang lengkap, tepat dan realistik.	Menyediakan perancangan yang kurang lengkap.	Perancangan secara umum / tidak lengkap.
2		Proses Awal (20 markah)			
	Mengumpul maklumat berdasarkan pelbagai sumber rujukan	15 – 20	10 – 14	05 – 09	01 – 04
		Mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber.	Mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber.	Mengumpul maklumat daripada sumber yang sesuai.	Tiada sumber rujukan / sumber rujukan tidak sesuai.
		Maklumat sangat tepat dan lengkap serta sangat sesuai dengan tugas.	Maklumat tepat dan lengkap serta sesuai dengan tugas.	Maklumat sesuai dengan tugas.	Maklumat tidak lengkap.

BIL	KRITERIA	RUBRIK			
		Laporan Akhir (70 markah)			
3	Pengenalan (5 markah)	04 – 05	03	02	01
		Menulis pengenalan yang sangat sesuai dengan tugas dan dapat menggambarkan keseluruhan kandungan hasil penulisan.	Menulis pengenalan yang sesuai dengan tugas dan dapat menggambarkan kandungan hasil penulisan.	Menulis pengenalan kurang sesuai dengan kandungan hasil penulisan.	Menulis pengenalan yang tidak sesuai dengan kandungan hasil penulisan.
4	Kepentingan perpaduan kaum (15 markah) <ul style="list-style-type: none"> • Fakta • Huraian • Contoh 	11 – 15	08 – 10	04 – 07	01 – 03
		Menghuraikan kepentingan perpaduan kaum dengan tepat dan sangat lengkap. Mengemukakan contoh yang sangat sesuai.	Menghuraikan kepentingan perpaduan kaum dengan tepat. Mengemukakan contoh yang sesuai.	Menerangkan kepentingan perpaduan kaum secara ringkas. Mengemukakan contoh yang kurang sesuai.	Menyenaraikan kepentingan perpaduan kaum secara umum. Mengemukakan contoh yang tidak sesuai / tiada contoh.
5	Faktor yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan kaum (15 markah) <ul style="list-style-type: none"> • Fakta • Huraian • Contoh 	11 – 15	08 – 10	04 – 07	01 – 03
		Menghuraikan faktor yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan kaum dengan tepat dan sangat lengkap. Mengemukakan contoh yang sangat sesuai.	Menghuraikan faktor yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan kaum dengan tepat dan lengkap. Mengemukakan contoh yang sesuai.	Menerangkan faktor yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan kaum secara ringkas. Mengemukakan contoh yang kurang sesuai.	Menyenaraikan faktor yang menyumbang kepada pengukuhan perpaduan kaum secara umum. Mengemukakan contoh yang tidak sesuai / tiada contoh.

BIL	KRITERIA	RUBRIK			
		Laporan Akhir (70 markah)			
6	Cabaran untuk mengekalkan perpaduan kaum (15 markah)	11 – 15	08 – 10	04 – 07	01 – 03
		Menghuraikan cabaran untuk mengekalkan perpaduan kaum dengan tepat dan sangat lengkap. Mengemukakan contoh yang sangat sesuai.	Menghuraikan cabaran untuk mengekalkan perpaduan kaum dengan tepat dan lengkap. Mengemukakan contoh yang sesuai.	Menerangkan cabaran untuk mengekalkan perpaduan kaum secara ringkas. Mengemukakan contoh yang kurang sesuai.	Menyenaraikan cabaran untuk mengekalkan perpaduan kaum secara umum. Mengemukakan contoh yang tidak sesuai / tiada contoh.
7	Langkah untuk mengekal dan memantapkan perpaduan kaum (10 markah)	08 – 10	06 – 07	04 – 05	01 – 03
		Menghuraikan langkah yang praktikal dan relevan untuk mengekal dan memantapkan perpaduan kaum dengan tepat dan sangat lengkap. Mengemukakan contoh yang sangat sesuai.	Menerangkan langkah yang praktikal dan relevan untuk mengekal dan memantapkan perpaduan kaum dengan lengkap. Mengemukakan contoh yang sesuai.	Menyatakan langkah untuk mengekal dan memantapkan perpaduan kaum secara ringkas. Mengemukakan contoh yang kurang sesuai.	Menyenaraikan langkah untuk mengekal dan memantapkan perpaduan kaum secara umum. Mengemukakan contoh yang tidak sesuai / tiada contoh.
8	Rumusan (5 markah) <ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan yang diperoleh • Iktibar kepada diri / bangsa / negara • Harapan agar kedaulatan negara berkekalan 	04 – 05	03	02	01
		Rumusan merangkumi pengetahuan, iktibar dan harapan yang relevan.	Rumusan merangkumi pengetahuan / iktibar dan harapan.	Rumusan mengandungi pengetahuan / iktibar dan harapan.	Rumusan secara umum.

BIL	KRITERIA	RUBRIK			
		Laporan Akhir (70 markah)			
9	Rujukan (5 markah)	04 – 05	03	02	01
		Sumber rujukan autentik, relevan dan pelbagai.	Sumber rujukan autentik dan relevan tetapi kurang pelbagai.	Sumber rujukan kurang relevan dan tidak pelbagai.	Sumber rujukan tidak relevan.

CONTOH PENULISAN SUMBER RUJUKAN**Buku**

Lofti Ismail, 1988. *Sejarah Malaysia 1400-1963*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Mohamad Noordin Sopiee, 1967. *From Malayan Union to Singapore Separation: Political*

Unifacation in the Malaysia Region 1945-1965. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.

Jurnal

Ahmad Masjidin. "Malayan Union Dalam Ruangan Akhbar Warta Negara" dalam *Jurnal Malaysia dari Segi Sejarah*. Bil 8, April 1979.

Ishak bin Tadin, 1960. "Dato' Onn and Malay Nationalism 1946-1951", dalam *JSEAH*. Vol 1. Mac 1960.

Ensiklopedia

Tajuk, jilid dan tahun.

Akhbar

Utusan Malaysia, 17 Jun 1992, halaman 5.

Orang Sumber

Encik Ismail bin Mohd Kassim, 43 tahun, No 21, Jalan Lundu 7, Taman Beringin 52000 Kuala Lumpur.

Puan Hamidah binti Daudshah, 57 tahun, No 7, Jalan SG 1/ 30, Taman Sri Gombak, 68100 Selangor.

Melawat Tempat Kajian

Pejabat Pelancongan Malaysia, Tingkat 17, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, 45 Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur.

Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta, 50568 Kuala Lumpur.

Tapak Ekskavasi Tingkayu, Kunak, Sabah.

Tapak Ekskavasi Gua Niah, Niah, Miri, Sarawak.

VCD

Tajuk program, terbitan.

Radio

Tajuk program, tarikh, masa, rangkaian.

Televisyen

Tajuk program, tarikh, masa, rangkaian.

Majalah

Nama majalah, tarikh, tahun.

Sumber lain:

Jenis sumber, alamat/punca sumber.

Internet

<http://geocities.com/kamashara/unionsm.htm>

<http://cikgu.net/edisimerdeka/sejarah.php3.htm>

[http://www.geocities.com/tokohagung/TokohPMTunkuAbdul Rahman.htm](http://www.geocities.com/tokohagung/TokohPMTunkuAbdulRahman.htm)

**PENTAKSIRAN TINGKATAN 3
BAGI MATA PELAJARAN SEJARAH
TAHUN 2014**

BORANG AKUAN PENGESAHAN

PERAKUAN CALON TENTANG KETULENAN TUGASAN

Saya memperakui bahawa tugas ini adalah hasil kerja saya sendiri, melainkan petikan, grafik dan gambar rajah yang dinyatakan sumber rujukannya.

RESPONDEN	NAMA	TANDATANGAN	TARIKH
Murid			
Pentaksir (Guru)			
Ketua Pentaksir Sekolah / Pentaksir Luar			

**PENTAKSIRAN TINGKATAN 3
BAGI MATA PELAJARAN SEJARAH
TAHUN 2014**

BORANG PENTAKSIRAN INDIVIDU

Nama Sekolah :

Nama Calon :

Tingkatan :

Tugasan :

No. Kad Pengenalan

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Angka Giliran

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

BIL	KRITERIA	SKOR	CATATAN
1	Perancangan (10 peratus)		
2	Proses Awal (20 peratus)		
3	Laporan Akhir (70 peratus)		
JUMLAH SKOR			